

# UNISSA anjur Sukan Tahunan, Hari Usrah 2017



Rektor UNISSA bergambar ramai bersama para pegawai, kakitangan dan pensyarah serta mahasiswa UNISSA.



'Indoor games' yang disertai oleh para pensyarah dan mahasiswi UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mac - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan tanda bermulanya Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 yang akan berlangsung selama sebulan.

Dalam ucapannya, Dr. Haji Norarfan menyeru semua mahasiswa agar memberikan sedikit masa dalam melakukan aktiviti-aktiviti riadah walaupun sibuk dengan tugas pengajian. Agama Islam sendiri menggalakan umat Islam agar aktif beriadah demi menjaga kesihatan kerana akal yang sihat itu adalah terletak pada tubuh badan yang sihat. Walau bagaimanapun, ketertiban dan kesesuaian beriadah itu perlulah dijaga dengan mengikut garis panduan ajaran Islam.

Sebelum itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh

pengerusi majlis yang juga selaku Exco Unit Sukan dan Logistik, MPP, Awang Mohd Ikhwan Syahmi bin Suhaini.

Dalam acara tersebut, tetamu kehormat telah dibawa bertemu dengan ahli-ahli rumah sukan iaitu terdiri daripada Rumah Al-'Abqoriyyun, Rumah Al-Mufakkirun, Rumah Al-Mujtahidun dan Rumah As-Syatirun yang melibatkan para pegawai, kakitangan dan para pensyarah serta mahasiswa/mahasiswi UNISSA.

Antara objektif Sukan Tahunan tersebut adalah sebagai platform untuk mengintensifkan kegiatan ko-kurikulum di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, di samping dapat memupuk kerjasama dan ukhwah serta kerjasama serta semangat berpasukan di antara ahli-ahli rumah sukan.

Aturcara pada hari tersebut diteruskan dengan pertandingan acara padang dan balapan bahagian lelaki, dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Manakala bagi bahagian perempuan pula berlansungnya 'indoor games' di dewan stadium berkenaan.

Majlis ini juga dihadiri oleh Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohammed Hussain bin-Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad, pegawai-pegawai utama UNISSA, para dekan, timbalan dekan, para pensyarah, kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

## Aksi bola sepak veteran semakin rancak

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mac - Empat lagi perlawanan berlangsung bagi Piala Presiden Satu dan Piala Presiden Dua, Kejohanan Persatuan Bola Sepak Veteran Brunei DST 2017 pada minggu kedua ini.

Pada Jumaat lalu, dua perlawanan telah berlangsung antaranya dalam Piala Presiden Satu, menyaksikan Pasukan Riwayat FC membenam Pasukan Rimba Star dengan jaringan besar 7-1.

Dalam Piala Presiden Dua pula menyaksikan Pasukan KPPKSK juga mencatatkan jaringan besar iaitu sebanyak tujuh gol untuk menumpaskan Pasukan Medai FC yang hanya mampu menjanginkan satu gol sagu hati.

Hari ini jadual kejohanan bola sepak diteruskan lagi dengan berlangsungnya dua perlawanan antaranya perlawanan antara

Manggis FC menentang Pasukan Stoneville FC di Kompleks Sukan Sungai Kebun. Stoneville, pasukan dari Daerah Temburong, bertandang ke kompleks sukan tersebut dengan mencatatkan kemenangan apabila menumpaskan pasukan Manggis FC dengan jaringan 2-5.

Samin Duraman menjadi wira Stoneville apabila berjaya mencipta hatrik dalam perlawanan hari ini, melengkapkan hatrik dalam tempoh 30 minit di separuh masa pertama.

Melihat kepada keadaan ini pasukan Manggis FC cuba bangkit dan usaha mereka berhasil apabila Zabidi Haji Brahim berjaya membolosi gawang Stoneville pada minit ke-41. Separuh masa pertama berakhir dengan Stoneville mendahului 3-1.

Di separuh masa kedua, dua

jaringan dalam masa tiga minit stoneville telah meranapkan harapan Pasukan Manggis FC untuk menyaingi pasukan pelawat itu, apabila Haji Adam bin Haji Musa berjaya menjanginkan gol pada minit ke-76 dan selang tiga minit kemudian ditambah pula oleh Adi Merhain Haji Bariul untuk menjadikan kedudukan 5-1.

Pada minit terakhir, Safaruddin Haji Mohd Salleh daripada Manggis FC berjaya menambahkan gol sagu hati bagi pasukannya, namun sudah terlambat dan kedudukan kekal hingga wisel penamat.

Satu lagi perlawanan dalam Piala Presiden Dua menyaksikan Pasukan Al-Idrus SC menang mudah ke atas Pasukan Mengelela dengan jaringan 3-0, menerusi jaringan Roslan Duraman, Jamil Haji Ahmad dan Aide Awang.



Pemain Bayern, Javi Martinez (kanan) meraikan jaringan pertama pasukannya bersama David Alaba dalam aksi Bundesliga menentang Cologne. - AP

## Bayern selesa di puncak

BERLIN, 5 Mac - Bayern Munich melonjak tujuh mata di puncak Bundesliga dengan kemenangan selesa 3-0 di Cologne semalam dalam persediaan sempurna menjelang kunjungan mereka ke Arsenal bagi aksi Liga Juara-Juara.

Pemain antarabangsa Sepanyol, Javi Martinez dan Juan Bernat telah memberikan Bayern dua gol pendahuluan sebelum pemain simpanan, Franck Ribery menjanginkan gol ketiga pada minit ke-90.

Keputusan itu membolehkan Bayern melebarkan jurang mata dengan pasukan yang berada di tangga kedua, RB Leipzig, yang seri 2-2 di Augsburg sehari sebelum.

Bayern kini menuju ke Arsenal

bagi peringkat 16 pasukan terakhir kedua Liga Juara-Juara, dengan berbekalkan kemenangan 5-1. "Kami sangat gembira, kerana ia adalah keputusan penting bagi kami," kata jurulatih Bayern, Carlo Ancelotti.

"Kami mengalami beberapa masalah di awal perlawanan, kerana kami tidak begitu teratur, tetapi kami telah menghasilkan beberapa ruang selepas 1-0 di depan dan mempamerkan separuh masa kedua dengan bagus." Cologne mengikat Bayern seri 1-1 di Munich Oktober lepas, tetapi kali ini mereka gagal mengekang Bayern. Martinez menanduk masuk hantaran lintang Arturo Vidal selepas Bayern melakukan rutin sepakan sudut di minit ke-25. - AFP



Barisan pemain Pasukan Al-Idrus SC bergambar ramai sebelum perlawanan hari ini.